SULIT

SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM

JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 5227/1 PP

PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

TINGKATAN 5

Kertas 1

**Peraturan Pemarkahan Percubaan Negeri 1**

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sektor Pendidikan Islam**, **Jabatan Pelajaran Negeri Sabah**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja.

**BAHAGIAN A**

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| 1 | Mad jaiz munfasil |
| 2 | Mad lazim harfi musaqqal |
| 3 | Detakan sangat kuat |
| 4 | Menebalkan sebutan ra |
| 5 | Mad iwad |
| 6 | Qalqalah kubra |
| 7 | Tiga |
| 8 | Dengung |
| 9 | Kedaulatan politik |
| 10 | Muraqabah |
| 11 | Dhabit |
| 12 | Sebelum hijrah |
| 13 | Mustolah Hadis |
| 14 | Makiyyah |
| 15 | Pusat |
| 16 | Dosa |
| 17 | Dosa kecil |
| 18 | Mengikut Kemampuan |
| 19 | Al-Muhaddis |
| 20 | Fada'il al-Quran |

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

## BAHAGIAN B

<table>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>i</td><td>مقصود ممقرسنداكن اݢام :<br><br>- Menjadikan agama sebagai permainan dan senda gurau atau melaksanakan perintah agama secara olok-olok serta mengkhianati dan menyeleweng ajaran agama.</td><td>[1 x 2M = 2M]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>دوا چونتوه ڤربواتن يڠ ترماسوق دالم كاتݢوري ممقرسنداكن اݢام :<br><br>- Melakukan pentafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu.<br>- Menghina wanita muslimah yang memakai tudung.<br>- Menganggap undang-undang jenayah syariah hanya sesuai dengan masyarakat arab.<br>- Menyambut hari raya dengan hidangan arak.<br>- Menganggap semua agama di dunia adalah sama.<br>- Melakukan perkara-perkara maksiat secara terbuka tanpa ada rasa malu dan takut kepada Allah.<br>- Mengiktiraf wanita sebagai imam solat kepada Jemaah lelaki.<br>- Menganggap bahawa Islam mengongkong golongan wanita.<br>- Mengatakan kepada seseorang yang mengamalkan Sunnah Rasulullah SAW sebagai seorang yang ketinggalan zaman dan kolot.<br><br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>[2 x 1M = 2M]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>تيندقن يڠ بوليه اندا لاكوكن سكيراڽ راكن اندا ملاكوكن ڤربواتن ترسبوت:<br><br><table><tr><td>I</td><td>Menegur rakan saya dengan memberikan nasihat secara baik</td><td>1</td></tr><tr><td>H</td><td>kerana ia merupakan tanggungjawab setiap individu muslim untuk mencegah kemungkaran yang berlaku.</td><td>1</td></tr><tr><td>HL</td><td>Kesannya, gejala mempersendakan agama akan dapat dibanteras.</td><td>1</td></tr></table></td><td>[6 x 1M = 6M]</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>D</td><td>Sabda Nabi SAW :<br>- وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۖ<br>- وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبًا وَلَهۡوًا</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Firman Allah di atas menjelaskan tentang kewajipan individu muslim untuk membanteras perbuatan mungkar seperti mempersendakan agama.<br><br>Firman Allah di atas menjelaskan tentang larangan mempersendakan agama.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>K</td><td>Oleh itu, kita hendaklah memberikan peringatan kepada orang-orang yang mempersendakan agama supaya mereka kembali ke pangkal jalan.</td><td>1</td></tr>
</table>
- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>i</td><td>سبب نزول ايات 6 :<br><br>- Hilal bin Umayyah menuduh isterinya berzina dengan Ibnu as-Samha’.<br>- Rasulullah SAW menjelaskan beliau akan dikenakan had sebatan jika tidak membawakan saksi.<br>- Maka, turunlah ayat ini membebaskan beliau daripada hukuman tersebut.<br><br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah</td><td>[1 x 2M = 2M]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii</td><td>دوا اينتي ساري ايات :<br><br>- Allah menjelaskan tentang hukuman 80 kali sebatan dikenakan kepada orang yang menuduh perempuan yang terpelihara kehormatannya melakukan zina.<br>- Allah memerintahkan sumpah li’an yang perlu dinyatakan oleh suami yang menuduh isterinya melakukan zina tanpa saksi untuk menghindarkan dirinya daripada dikenakan hukuman had qazaf.<br><br>- Mana-mana jawapan munasabah berkaitan ayat diterima.<br><br>- Isi 2 Markah / Huraian 2 Markah</td><td>[2 x 2M = 4M]</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iii | **دوا** ڤڠاجرن ايات :<br><br>- Umat Islam hendaklah menjauhi daripada melakukan tuduhan palsu **tanpa** sebarang usul periksa.<br>- Kita hendaklah sentiasa menjaga maruah diri **dengan** menghindari diri daripada melakukan perkara maksiat yang dimurkai Allah.<br>- **Mana-mana jawapan yang munasabah berkaitan ayat diterima**<br>- Isi 2 Markah / Huraian 2 Markah | [2 x 2M = 4M] |
| | | | | |
| 2 | (a) | i | اينتي ساري حديث :<br><br>- Rasulullah SAW menjelaskan bahawa kebanyakan manusia sering tertipu dengan nikmat kesihatan dan masa lapang **menyebabkan** mereka tergolong dalam kalangan orang yang kufur nikmat.<br>- Rasulullah SAW menjelaskan bahawa usaha dan amalan seseorang muslim akan menjadi sia-sia **sekiranya** meninggal suruhan Allah SWT.<br>- Rasulullah SAW menjelaskan bahawa manusia dituntut memanfaatkan masa lapang dan kesihatan **dengan** aktiviti yang disukai Allah dan rasulnya.<br>- **Mana-mana jawapan yang munasabah berkaitan hadis diterima**<br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah | [1 x 2M = 2M] |
| | | ii | **دوا** كڤرلوان ممنفعتكن نعمت يڠ بركاريس دأتس :<br><br>- Hargai masa lapang dengan melakukan perkara-perkara yang bermanfaat **kerana** manusia yang bijak dapat menguruskan masa dengan betul dan berkualiti.<br>- Pembahagian masa lapang yang betul **merangkumi** waktu beribadah, waktu belajar, beriadah bersama keluarga dan kawan-kawan serta aktiviti bersama masyarakat.<br>- Kecuaian dan kegagalan menguruskan masa dengan baik **mengakibatkan** banyak urusan aktiviti tergendala.<br>- Isi 2 Markah / Huraian 2 Markah | [2 x 2M = 4M] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | iii | سباڬاي سأورڠ موريد يڠ مڠهرڬائي نعمت کورنيائن الله، **دوا** چارا اندا **ممنفعتکن** نعمت ترسبوت دالم کهيدوڤن سهارين :<br><br>- Memperuntukkan waktu rehat yang mencukupi dan berkualiti **agar** tubuh badan sihat dan cergas.<br>- Memperbanyakkan zikrullah **sebagai** tanda hamba yang bertaqwa.<br>- Membaca buku ilmiah **untuk** merangsang minda dan jiwa yang positif.<br><br>- **Mana-mana jawapan yang munasabah diterima**<br><br>- Isi 2 Markah / Huraian 2 Markah | [2 x 2M = 4M] |
| | | | | |
| | (b) | i | ڤڠرتين علماء :<br><br>- Golongan agamawan yang mengetahui, mahir dalam hukum-hakam dan mengamalkan syariat Allah berdasarkan dalil syarak serta mengajak manusia ke arah kebenaran. | [1 x 2M = 2M] |
| | | ii | **دوا** چيري-چيري علماء :<br><br>- Beribadah dengan penuh khusyuk dan ikhlas kerana Allah. Hati mereka sentiasa bergantung dan bermunajat hanya kepada Allah.<br>- Sentiasa bersyukur kepada Allah atas ilmu yang dikurniakan dan sentiasa beramal dengan ilmu tersebut.<br>- Berjalan di atas muka bumi tanpa rasa riak atau bongkak dengan ketinggian ilmu yang dimiliki. Mereka sentiasa menyampaikan ilmu kepada masyarakat dengan penuh hikmah.<br>- Berusaha untuk mendekatkan diri dengan masyarakat setempat. Mereka sentiasa menjaga sosial dengan masyarakat dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.<br>- Menyampaikan ilmu tanpa batasan kaum dan warna kulit.<br>- Tidak menggunakan kemuliaan dan ketinggian ilmu untuk kepentingan peribadi. | [2 x 1M = 2M] |

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td></td>
<td>
- Tidak mengeluarkan fatwa yang membelakangi tokoh-tokoh ulama yang besar sehingga mengelirukan masyarakat dan menimbulkan perbalahan dan persengketaan sesama umat.<br>
- Sentiasa berakhlak mulia dengan akhlak yang terpuji dan mencontohi Sunnah Rasulullah SAW serta menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah mereka, sama ada di khalayak ramai ataupun bersendirian.
</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>iii</td>
<td>
اندا دلانتيق منجادي كتوا ڤڠاوس دسكوله دان دتوكسكن اونتوق مڠنجوركن ڤروݢرم "فوروم ڤردانا علمو" باݢي مموڤوق سماڠت چينتاكن علمو دالم كالڠن موريد.<br><br>
باݢايماناكه ڤروݢرم دأتس داڤت منچاڤاي اوبجيقتيف يڠ دساسركن؟<br><br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Dengan menjemput beberapa orang ulama tempatan atau guru agama yang berpengalaman sebagai ahli panel</td><td>1</td></tr>
<tr><td>H</td><td>untuk berkongsi ilmu tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Kesannya, murid-murid akan terdorong untuk mendalami ilmu.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>D</td><td>طلب العلم فريضة على كل مسلم</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Hadis di atas menjelaskan tentang kewajipan setiap muslim untuk menuntut ilmu.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>K</td><td>Oleh itu, kita hendaklah berusaha mencari ilmu pengetahuan agar tidak menjadi orang yang jahil.</td><td>1</td></tr>
</table>
- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima
</td>
<td>[6 x 1M = 6M]</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (a) | | ڤڠرتين علوم القرءان دري سکي ايستيله :<br><br>- Satu ilmu yang membahaskan tentang al-Quran dari segi penurunan, penyusunan, pengumpulan, penulisan, bacaan, tafsir, i'jaz, nasikh dan mansukh dan perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran. | [1 x 2M = 2M] |
| | (b) | i | ڤڠرتين ايات مدنية برداسرکن ڤنداڤت يڠ ڤاليڠ مشهور :<br><br>- Dari segi masa **iaitu** ayat yang diturunkan selepas hijrah walaupun diturunkan di Mekah. | [1 x 2M = 2M] |
| | | | | |
| | | ii | **دوا** اوسها مشارکت اونتوق مڠکوناکن ايات مکية دان مدنية سباکاي ڤندوان دالم ممهمي کاندوڠن القرءان:<br><br>- Masyarakat membaca kertas kerja, artikel dan buku-buku berkaitan ayat makiyah dan ayat madaniyah **supaya** lebih memahami ciri-ciri antara keduanya.<br><br>- Masyarakat mengadakan diskusi dan halaqah di masjid dan di surau **untuk** mendalami perbezaan antara ayat makiyah dan ayat madaniyah.<br><br>- AJK surau atau masjid boleh menganjurkan program 'bedah buku' berkaitan ayat makiyah dan ayat madaniyah di peringkat masjid dan surau **agar** masyarakat dapat pendedahan berkaitan ilmu tersebut.<br><br>- **Mana-mana jawapan yang munasabah diterima**<br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah | [2 x 2M = 4M] |
| | (c) | i | **امڤت** کريتيريا ڤراوي عاديل :<br><br>- Islam<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Tidak fasik<br>- Tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah dan menjejaskan akhlaknya | [4 x 1M = 4M] |

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>ii</td><td>حكوم برعمل دڠن حديث صحيح :<br><br>- Wajib beramal kerana ia merupakan salah satu hujah dan sumber syariat yang sah.</td><td>[1 x 2M = 2M]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii</td><td>ايمڤليکاسي يڠ اکن برلاکو سکيراڽ ڤرباتائن دأتس تيدق دڤاتوهي :<br><br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Amalan umat islam tidak akan diterima</td><td>1</td></tr>
<tr><td>H</td><td>kerana mengamalkan perbuatan daripada sumber yang diragui.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini kerana hadis dhoif tidak memenuhi satu atau lebih daripada syarat-syarat hadis sahih dan hadis hasan.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>D</td><td>يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menjelaskan bahawa kita hendaklah menyelidiki sesuatu berita yang dibawa oleh seorang yang fasik.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>K</td><td>Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan ibadat dari sumber yang sahih agar amalan diterima oleh ALLAH.</td><td>1</td></tr>
</table>
- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>[6 x 1M = 6M]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td></td><td>ڤڠرتين احسان :<br><br>- Seseorang itu menyembah ALLAH seolah-olah dia melihat ALLAH dan meyakini bahawa ALLAH melihat perbuatannya.</td><td>[1 x 2M = 2M]</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td>(b)</td>
<td>i</td>
<td>كڤنتيڠن ڤهالا دان دوسا دالم ممڤرتاهنكن اينتڬريتي نڬارا :<br><br>- Negara akan dipandang tinggi oleh negara lain kerana pembangunan dan kebaikan yang dilakukan.<br><br>- Negara akan ditadbir oleh pemimpin yang taat kepada ALLAH kerana memerintah berdasarkan hukum syarak.<br><br>- Mana-mana jawapan munasabah diterima.<br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah</td>
<td>[1 x 2M = 2M]</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>ii</td>
<td>اوسها مشاركت دالم مناڠني كجالا اين درڤد تروس برللواسا :<br><br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Mengadakan kempen “ Bahaya Gadget”</td><td>1</td></tr>
<tr><td>H</td><td>agar pergaulan sosial dapat dikurangkan</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Seperti kes zina.</td><td>1</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Maksud hadis “"Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan jika dia tidak mampu juga, maka dengan hatinya, dan itu adalah selemah-lemah iman."</td><td>1</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Dalil di atas menekankan tanggungjawab setiap muslim untuk mencegah kemungkaran mengikut kemampuan masing-masing</td><td>1</td></tr>
<tr><td>K</td><td>Oleh itu, kita hendaklah menggunakan bahan digital dengan sebaiknya untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni.</td><td>1</td></tr>
</table>
- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td>
<td>[6 x 1M = 6M]</td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | i | حكوم سأورغ للاكي برڤاكاين وانيتا بسرتا السن :<br><br>- Haram kerana ALLAH melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki. | [1 x 2M = 2M] |
| | | ii | كڤنتيڠن منجاݢ ڤنمڤيلن ديري :<br><br>- Menzahirkan salah satu syiar Islam iaitu menjaga kebersihan<br>- Meninggikan dan memelihara maruah diri individu dengan menutup aurat.<br>- Menjaga imej individu dan umat islam dari pandangan masyarakat luar khususnya bukan islam<br>- Menjadikan seseorang individu itu sihat tubuh badan, jauh daripada sebarang penyakit<br>- Disukai orang ramai kerana penampilan yang bersederhana dan tidak menunjuk- nunjuk<br><br>- **Mana-manaj jawapan munasabah diterima.**<br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah | [2 x 1M = 2M] |
| | | | | |
| | (d) | i | **دوا** ادب كتيک مندڠر كماتين :<br><br>- Mengucapkan takziah dan menasihatkan ahli keluarga si mati agar bersabar di atas pemergian ahli keluarga mereka.<br>- Mendoakan si mati agar diberi keampunan oleh ALLAH.<br>- Menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan atau makanan khususnya kepada keluarga yang miskin.<br>- Tidak menceritakan keburukan jenazah kepada orang lain kerana boleh mencemarkan maruah keluarga si mati.<br>- Melakukan solat jenazah sebagai tanda penghormatan terakhir kepada keluarga si mati.<br>- Mengiringi jenazah ke kubur dan mendoakan kebaikan untuknya.<br>- Memberi pertolongan dalam mengebumikan jenazah supaya urusan pengebumian dapat dilaksanakan dengan segera.<br><br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah | [2 x 2M = 4M] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | ii | كڤنتيڠن ڤڠوروسن جنازه كڤد اينديۏيدو : <br><br>- Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan **kerana** hati akan lebih terkesan apabila melihat kematian.<br><br>- Menzahirkan rasa simpati terhadap ahli keluarga si mati dan mendoakan keampunan dan kebaikan untuknya **agar** dapat mengurangkan tekanan emosi keluarga.<br><br>- **Mana-mana jawapan yang munasabah diterima**<br>- Isi 1 Markah / Huraian 1 Markah | [1x 2M = 2M] |

**PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT**